

## ISU PENYELUDUPAN DI PULAU SEBATIK, MALAYSIA *SMUGGLING ISSUE IN SEBATIK ISLAND, MALAYSIA*

WAN SHAWALUDDIN WAN HASSAN<sup>1</sup> AMRULLAH MARAINING<sup>2</sup>  
RAMLI DOLLAH<sup>3</sup>

<sup>1&3</sup>Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2</sup>Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah

amrullahmaraining86@ums.edu.my; shawal@ums.edu.my; ramlid@ums.edu.my  
Tarikh dihantar: 1 September 2020 / Tarikh diterima: 12 November 2020

**ABSTRAK** Makalah ini membincangkan penyeludupan yang berlaku di Pulau Sebatik, sebuah pulau yang dikongsi bersama oleh Malaysia-Indonesia. Tumpuan diberikan kepada penyeludupan dadah, senjata dan teroris serta pemerdagangan manusia dan pendatang tanpa izin (PTI) yang berlaku di pulau tersebut. Kedudukan Pulau Sebatik yang sangat ideal membolehkan penyeludupan dilakukan oleh pihak sindiket mahupun individu serta ditambah lagi dengan beberapa faktor seperti rasuah, kurangnya kawalan pihak keselamatan Malaysia, jaringan sosial serta kejauhan jarak antara Pulau Sebatik (Indonesia)-Jakarta. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, data diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian di lapangan serta rujukan buku, tesis, artikel jurnal, akhbar di samping laman web agensi kerajaan. Dapatan kajian mendapati dadah yang di seludup melalui Pulau Sebatik hanya sekitar 10 peratus sahaja, namun kemudiannya disebarkan sehingga ke Sulawesi Selatan. Pulau ini digunakan sebagai laluan bagi aktiviti kumpulan radikal di Indonesia mendapatkan latihan serta menyokong pihak yang tertindas di selatan Filipina di samping menyeludup senjata dari selatan Filipina ke Indonesia; dan sindiket pemerdagangan orang dan PTI mengambil peluang kerana menyedari ramai rakyat dari Indonesia yang mahu masuk ke Sabah untuk bekerja.

**Kata kunci:** Penyeludupan, Pemerdagangan Manusia, Rasuah, Sebatik, Sabah

**ABSTRACT** This paper discusses smuggling activities taking place on Sebatik Island, an island that is shared by Malaysia-Indonesia. The focus is on drug smuggling, weapons smuggling and its links to terrorists organisations/ cells, as well as human trafficking in which the Indonesian-migration border has been described as largest clandestine migrant flows in the world. The

*island's geographic position compounded by corruption, lack of control by Malaysian security, social network and Sebatik (Indonesia)-Jakarta distance, makes it ideal for smuggling syndicates and individuals. The findings were found by using qualitative methods with data obtained through interviews, field observations as well as books, theses, journal articles, newspapers as well as government agency websites. The results of the study found that drugs through Sebatik were only 10 per cent but it was then spread all the way to South Sulawesi; radical groups in Indonesia use Sebatik to obtain training and provide support to those oppressed in the southern Philippines while at the same time, weapons are being smuggled from the Philippines to Indonesia; and human trafficking syndicates prey on Indonesians who are desperate for job opportunities in Malaysia. These criminal activities of smugglers clearly undermine the capacity of states to safeguard their own sovereignty.*

**Keywords:** Smuggling, human trafficking, corruption, Sebatik, Sabah

## PENGENALAN

Wilayah perbatasan sesebuah negara sering dianggap sebagai ‘backyard’ atau bahagian belakang negara yang tidak diberikan perhatian oleh pihak pusat. Jarak yang jauh dari pusat mengakibatkan perhatian tidak diberikan kepada wilayah ini. Layanan sebegini oleh pihak pusat kadang kala membolehkan wilayah perbatasan sebagai kawasan yang dari segi kedaulatannya agak tercabar. Perundangan negara seolah-olah tidak terpakai. Tidak hairan apabila wilayah perbatasan sering dikaitkan dengan aktiviti penyeludupan. Penyeludupan melibatkan pelbagai barang seperti barang kawalan, dadah, senjata dan balak serta termasuklah manusia atau pemerdagangan manusia. Pulau Sebatik dikongsi oleh dua negara, Malaysia dan Indonesia yang dipisahkan garisan  $4^{\circ}10'$  (Wan Shawaluddin *et al.*, 2018; Ramli *et al.*, 2018). Di Pulau Sebatik, penyeludupan merupakan aktiviti yang berlaku dengan berleluasa. Jarak antara Sebatik-Jakarta merupakan punca penyeludupan rancak berlaku di pulau berkenaan. Kedekatan jarak antara daerah Tawau, Sabah yang cukup hampir dengan Pulau Sebatik-Indonesia, menyebabkan aktiviti penyeludupan mudah untuk berlaku.

Dengan menggunakan kaedah kualitatif, data diperoleh melalui temubual dan pemerhatian di lapangan serta sumber lain seperti buku, tesis, artikel jurnal, akhbar di samping laman web agensi kerajaan. Makalah ini membincangkan isu penyeludupan di Pulau Sebatik dan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama, menyentuh berkaitan konsep penyeludupan. Kedua adalah sorotan literatur yang berkaitan dengan kajian ini, diikuti tumpuan perbincangan adalah tentang faktor-faktor berlakunya penyeludupan. Keempat, membincangkan tiga isu utama iaitu penyeludupan dadah, senjata dan teroris serta pemerdagangan manusia dan PTI. Akhir sekali, bahagian cadangan dan disusuli dengan kesimpulan.

## **KONSEP PENYELUDUPAN**

Penyeludupan menurut Donnan dan Wilson (1999) bergantung kepada kehadiran sempadan serta apa yang diisyiharkan oleh negara boleh diimport atau dieksport. Import dan eksport jarang diberikan pemberatan yang sama dalam praktis kawalan sempadan. Mekanisme pengawalseliaan di sempadan melibatkan apa yang dapat dibawa ke negara daripada apa yang dapat diambil. Pelanggaran sedemikian boleh menyebabkan keimbangan yang sporadik seperti kebocoran *inteligensia* atau eksport senjata haram. Tambah Donna dan Wilson lagi, apa yang membuatkan penyeludupan menjadi sesuatu yang menarik kepada penyeludup adalah disebabkan ketiadaan atau pengharaman sesuatu komoditi serta peluang untuk mengelakkan pengenaan tarif perdagangan (cukai) ke atas barang import di sempadan (Donnan & Wilson, 1999: 110). Ford dan Lyons (2014) membincangkan bagaimana individu mengeksploitasi sumber ekonomi ekoran kedudukan Pulau Riau dengan Singapura. Dalam hal ini, aktiviti rasuah digunakan bagi memastikan penyeludupan dapat dijalankan dengan lancar (Ford & Lyons, 2014: 92). Price pula menekankan bahawa penyeludupan sebagai satu jenayah terhadap negara berbanding jenayah terhadap individu (dalam Donnan & Wilson, 1999). Hüsken pula berpendapat, penyeludupan sebagai amalan ekonomi bersifat transgresif yang tertanam dalam hubungan sosial, politik dan budaya yang lebih luas. Hubungan ini melanggar sempadan negara, bertembung dengan kedaulatan negara dan integriti wilayah (Hüsken, 2017). Walau bagaimanapun, penyeludupan di Afrika dan Timur Tengah sering dibincangkan sebagai

satu aspek penyeludupan haram manusia merentasi sempadan, perdagangan transnasional dadah atau perdagangan haram senjata dalam konteks perang saudara. Tambahan lagi, penyeludupan diperdebatkan berkaitan dengan apa yang disebut keganasan jihad global dan oleh negara dan perkhidmatan rahsia (Hüsken, 2017). Penyeludupan pula bagi Tagliacozzo (2005), berlaku dalam rangkaian rasuah dan kepentingan persendirian yang melibatkan penjawat awam. Elemen rasuah sangat penting bagi membolehkan aktiviti penyeludupan dilakukan dengan lancar.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian Ramlah *et al.* (2011) mendapati bagaimana etnik Bugis menggunakan identiti mereka demi kelangsungan hidup. Masih kuat mengamalkan amalan sosial seperti *siri'* (malu dan kehormatan diri) dan *pesse'* (perasaan yang turut sama merasakan penderitaan kelompok sosialnya), menyebabkan nilai ini dipertahankan sehingga kini terutamanya bila berada di perantauan. Misalnya, jika mereka tidak bertanah, identiti Bugis itu digunakan bagi mereka menggunakan tanah yang terbiar untuk diusahakan. Begitu juga kebanyakan etnik Bugis di sempadan yang sering kali dikatakan memiliki dwi-kewarganegaraan Malaysia dan Indonesia sungguhpun masih tidak dipastikan sepenuhnya (lihat juga La Masri & Zaini, 2018).

Kajian tentang penyeludupan banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Malaysia dan Indonesia (Marja *et al.*, 2005 & 2006; Ramli & Ahmad Mosfi, 2007; Wan Shawaluddin & Ramli, 2008; Endang, 2012; Fauzie, 2018; Amrullah *et al.*, 2018; Amrullah & Ramli, 2018). Endang Rudiatin (2012) dalam kajian di Sei Aji Kuning, Pulau Sebatik mendapati masyarakat di perbatasan menggunakan kesempatan untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka secara pragmatik dengan menggunakan jaringan-jaringan yang sedia ada bagi melakukan aktiviti penyeludupan atau *smokol*. Jaringan yang dimaksudkan berkaitan dengan sosial, politik, budaya, kekerabatan dan etnik. Jaringan inilah yang telah digunakan oleh mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan menjadikan Sei Aji Kuning sebagai pasar serta tempat pertemuan penting bagi penjual dan pembeli, komoditi sama ada yang halal maupun haram di sempadan Pulau Sebatik milik Indonesia maupun

Malaysia. Kebergantungan Pulau Sebatik kepada Tawau membolehkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan di Pulau Sebatik-Indonesia.

Bagi Caruthers (2016) dalam kajiannya mendapati Pulau Sebatik sebagai salah satu jalan rahsia atau ‘laluan tikus’ yang telah digunakan oleh PTI dari Sulawesi Selatan. Setelah sampai di Nunukan, mereka kemudian menyeberang ke Bambangan, Pulau Sebatik-Indonesia dan terus ke Sei Aji Kuning untuk memasuki Tawau. Jalan rahsia ini digunakan oleh PTI disebabkan kosnya yang rendah (jimat) serta mempunyai jaringan kekeluargaan di Sabah.

Lina Puryanti dan S. Husain (2011) pula dalam tulisannya memberikan tumpuan kepada dinamika Pulau Sebatik yang berlatarbelakangkan pertelingkahan antara Indonesia-Malaysia berkaitan hak tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan dengan kemenangan diberikan oleh ICJ kepada Malaysia pada tahun 2002. Ia seterusnya diikuti oleh ketegangan yang berlaku ekoran perebutan di Blok Laut Ambalat (Sulawesi). Ternyata, kedudukan geografi Pulau Sebatik agak strategik kerana pulau ini berada berhadapan dengan kawasan yang dipertikaikan oleh kedua-dua negara serumpun itu. Meskipun wujud pertikaian antara Jakarta dan Kuala Lumpur, di peringkat lokalnya hubungan ekonomi Tawau-Pulau Sebatik langsung tidak terkesan. Hal ini demikian kerana penduduk Pulau Sebatik-Indonesia tetap bergantung kepada Tawau dalam soal ekonomi. Jelas di peringkat lokal, isu negara bangsa dan nasionalisme tidak terkesan langsung oleh apa yang berlaku di peringkat pusat. Bahkan, penyeludupan barang dari Tawau ke Pulau Sebatik banyak membantu kehidupan mereka kerana mereka juga turut menikmati barang kawan yang sepatutnya cuma dimikmati oleh rakyat Malaysia. Pergantungan terhadap Tawau menyebabkan mereka tidak terpengaruh dengan apa yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia dalam konteks konflik Blok Laut Ambalat.

Aizat Khairi dan Andika Wahab (2018) meskipun menulis tentang Rohingya dalam artikel mereka, tetapi turut menyentuh aktiviti penyeludupan manusia melibatkan pelarian Rohingya di sempadan Myanmar-Thailand serta Thailand-Malaysia. Penyeludupan pelarian Rohingya di sempadan merupakan satu bentuk eksloitasi sindiket antarabangsa yang turut melibatkan orang-orang Rohingya sendiri. Keterdesakan pelarian Rohingya untuk menyelamatkan diri mereka daripada pemerintahan rejim tentera di Myanmar

telah memberi kesempatan kepada sindiket untuk “menangguk di air yang keruh” dengan mengambil kesempatan ini untuk menyeludup masuk pelarian ini ke Malaysia. Aktiviti ini menurut Aizat dan Andika merupakan satu perniagaan yang cukup lumayan bagi sindiket yang beroperasi di sempadan.

Kawasan sempadan masih kekurangan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik mahupun air seperti yang ditekankan oleh Andi Nurlela (2012). Isu kekurangan ini tidak bermakna masyarakat di sempadan tidak dapat meneruskan kehidupan mereka. Perkara ini dibuktikan apabila rata-rata masyarakat sempadan di Pulau Sebatik terlibat dalam sektor pertanian, perikanan dan pekerjaan informal seperti berniaga bagi meneruskan kelangsungan hidup. Hasil pertanian seperti pisang dan sayur-sayuran serta hasil lautan kemudiannya dijual di Bandar Tawau. Hasil pertanian dan perikanan ini dijual di Bandar Tawau kerana harganya yang lebih mahal berbanding jika dijual di Pulau Sebatik sendiri mahupun Nunukan. Tidak ketinggalan juga, ada yang mengambil kesempatan untuk bekerja di Bandar Tawau kerana bandar ini menawarkan banyak peluang pekerjaan seperti menjadi pembantu di kedai makan dan pembantu jualan di pasar raya serta kedai-kedai yang menjual pelbagai produk jualan.

Yohanes Sanak (2012) pula dalam makalahnya berhujah bahawa dalam menguruskan perbatasan, *state security* sahaja tidak mampu menangani masalah yang berlaku dan berkaitan dengan infrastruktur di sempadan. Yohanes sebaliknya menyarankan agar *human security* didukung dengan tujuh ciri lain iaitu ekonomi, sosial, politik, sosiobudaya, kesihatan, alam sekitar dan persendirian. Hal ini demikian kerana banyak isu yang dihadapi oleh masyarakat perbatasan bertitik tolak daripada perbezaan ekonomi seperti upah ataupun isu kekurangan infrastruktur di perbatasan milik Indonesia. Dalam konteks isu yang dihadapi ini, pada pandangan penulis, pendekatan *state security* bukanlah pendekatan yang mampu digunakan bagi menangani isu di perbatasan tetapi *human security* lebih tepat untuk digunakan. Bagi penulis, *Human security* mampu memberikan kesejahteraan masyarakat dan pada masa yang sama menguatkan nasionalisme dalam kalangan rakyat Indonesia yang tinggal di perbatasan. Apakah lagi banyak isu yang dihadapi Indonesia dengan jiran, Malaysia yang memerlukan kesepaduan sokongan warganya.

Muhammad Hairul Salleh (2015) dalam makalahnya memberikan tumpuan kepada perantau-perantau Bugis yang mempunyai impian dalam meningkatkan taraf hidup mereka. Dengan berpegang kepada prinsip bekerja keras akan memberikan hasil yang maksimum serta didukung oleh kemampuan untuk bertahan dan selalu bersiap sedia menghadapi cabaran, menjadikan sebahagian besar mereka menguasai sumber-sumber ekonomi dan menjadi aktor penting bagi kelangsungan hidup masyarakat dan pembangunan di Pulau Sebatik. Kekuatan ini telah digunakan oleh perantau Bugis sehingga ramai yang mampu mengecap kejayaan dan lebih dari itu menjadikan Pulau Sebatik-Indonesia maju seperti yang ada pada hari ini.

Artikel Andika Abdul Wahab (2018), menganalisis penyeludupan migran Rohingya dari Myanmar ke Malaysia akibat daripada dasar penghapusan etnik oleh pihak rejim tentara di negara berkenaan. Dalam analisis beliau, faktor keuntungan bersama antara penyeludup serta migran bukanlah perkara utama yang diberikan tumpuan tetapi lebih menjurus kepada isu pengeksplotasian terhadap migran Rohingya. Hakikatnya, migran sendiri rela diseludup bertujuan melarikan diri daripada pencabulan hak asasi manusia bagi meneruskan kelangsungan hidup. Namun, tidak dinafikan bahawa eksplotasi secara ekstrem yang melibatkan tindakan seperti keganasan fizikal, penganiayaan dan pelbagai bentuk manipulasi terhadap mangsa Rohingya turut berlaku sewaktu diseludup keluar oleh sindiket. Kajian Andika mendapati eksplotasi dalam bentuk mengaut keuntungan daripada usaha menyelamatkan diri terhadap rejim tentera yang zalim juga turut melibatkan tindakan seperti keganasan fizikal, penganiayaan dan pelbagai bentuk manipulasi lain terhadap mangsa Rohingya dalam proses mereka meneruskan kelangsungan hidup di Malaysia.

## **FAKTOR-FAKTOR PENYELUDUPAN**

Penyeludupan yang amat kerap berlaku di kawasan Sebatik ini banyak disumbangkan oleh beberapa faktor, sama ada yang melibatkan faktor dalaman atau faktor luaran. Ia meliputi beberapa aspek melibatkan isu kurangnya kawalan keselamatan, rasuah, keperluan dan permintaan barang yang tinggi di Indonesia dan sebagainya.

### *Kurangnya Kawalan Keselamatan*

Bagi memastikan kedaulatan sesebuah negara terjamin, kerajaan kebiasaannya akan bertanggungjawab terhadap keselamatan hatta di wilayah perbatasan. Tidak wujud perbezaan layanan oleh kerajaan antara pusat pentadbiran atau ibu kota dengan wilayah perbatasan, semua harus dilayan dengan sama adil. Dalam hal ini, prasyarat utama ialah penempatan pasukan tentera. Penempatan pasukan tentera yang kuat cukup penting agar pihak musuh atau negara jiran berfikir panjang sebelum membuat keputusan untuk menyerang. Namun, realitinya berdasarkan perhatian penulis, perkara ini tidak berlaku di Pulau Sebatik (tinjauan di Pulau Sebatik-Malaysia). Apakah Putrajaya mengambil ringan kawalan pihak tentera di kawasan sempadan terbabit ataupun cuba untuk mengurangkan ketegangan yang melibatkan kedua-dua negara? Sejarah sepatutnya mengajar Putrajaya bahawa Jakarta pernah menjadikan Pulau Sebatik sebagai sasaran sewaktu era Konfrontasi (1963–1966) apabila Sukarno mahu ‘mengganyang’ Malaysia.

Kehadiran pasukan tentera British dan Komanwel berjaya membantu pasukan tentera Malaysia mempertahankan Sebatik daripada jatuh ke tangan Sukarno. Putrajaya kini cuma menempatkan Pasukan Gerakan Am (PGA) berkawal di sempadan yang sepatutnya dikawal oleh pihak tentera. Dalam era di mana pasukan keselamatan sudah lama tidak berhadapan dengan konflik, penempatan pasukan PGA menunjukkan bahawa Putrajaya tidak serius dalam isu pertahanan dan keselamatan negara. Sebaliknya, berbeza dengan Jakarta yang dilihat cukup serius yang menempatkan pasukan tenteranya di sepanjang sempadan Pulau Sebatik-Indonesia (Modwin & Ramli, 2018). Malah ketika sekumpulan penyelidik Sebatik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) memohon untuk memasuki perbatasan Pulau Sebatik-Indonesia, ia telah ditolak atas alasan lawatan oleh Presiden negara tersebut, Jokowi Widodo serta sambutan ulang tahun kemerdekaan Indonesia yang bakal menjelang di Indonesia. Dalam pada itu juga, Jakarta tidak pernah mengusulkan sebarang pembinaan pagar di sempadan kedua-dua belah negara untuk menghalang kemasukan penduduk dari Malaysia mahupun Indonesia. Namun begitu, Jakarta telah bertindak menempatkan tentera dan membina lebih daripada 30 buah menara kawalan di sepanjang sempadan tersebut. Perkembangan terkini, berdasarkan tinjauan terkini penulis di Sungai Aji Kuning baru-

baru ini, terdapat perubahan garis sempadan ekoran proses penentuan batas sempadan baharu yang dijalankan secara bersama Malaysia-Indonesia pada pertengahan 2019. Agak mengejutkan apabila Indonesia dilihat agak drastik membina pondok kawalan di sempadan baharu sungguhpun persetujuan antara kedua negara belum digazetkan secara rasmi sedangkan di pihak kita tidak mengambil apa-apa tindakan (Suriyansah, 2019). Rentetan dari keadaan tersebut, sudah sampai masanya Putrajaya seharusnya tidak mengambil sikap acuh dalam isu sempadan di Pulau Sebatik ini. Kita tidak mahu sudah terhantuk baru Putrajaya tengadah dalam isu ini.

### *Rasuah*

Rasuah merupakan satu perbuatan yang tidak beretika dan bertentangan dengan undang-undang. Namun, realitinya ia berlaku dan melibatkan penjawat awam tanpa mengira pangkat di negara ini. Kajian oleh Tagliacozzo berkenaan penyeludupan dan unsur rasuah meskipun pada abad ke-19 melibatkan era penjajahan British dan Belanda di Asia Tenggara masih lagi relevan (Tagliacozzo, 2005). Gaya hidup mewah, gaji yang rendah dan kos hidup yang tinggi merupakan antara punca berlakunya rasuah termasuklah di kawasan sempadan. Kurangnya tumpuan dan perhatian oleh agensi kerajaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di kawasan Pulau Sebatik-Malaysia menyebabkan rasuah berlaku melibatkan penjawat awam di kawasan berkenaan. Antara agensi terlibat adalah seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, malah agensi keselamatan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Meskipun tiada bukti untuk menyokong penulisan ini, berdasarkan temu bual dengan orang perseorangan serta pegawai kerajaan di kawasan terbabit didapati insiden didakwa berunsur rasuah sering berlaku di kawasan sempadan tersebut.

Keadaan ini ditambah lagi dengan beberapa insiden yang berlaku semasa kerja lapangan yang dilakukan oleh penulis di pulau ini. Penulis sendiri mendapat maklumat bahawa salah sebuah bot milik agensi keselamatan Malaysia tidak dapat membuat operasi di laut kerana kehabisan minyak disebabkan tindakan anak kapal/anggota keselamatan bot terbabit yang menjual minyak di laut kepada pihak tertentu. Keadaan yang berlaku ini sudah tentu menunjukkan bahawa penerima rasuah tidak memikirkan sama ada ia

melibatkan soal keselamatan negara atau tidak kerana yang lebih penting bagi mereka adalah untuk mendapatkan wang. Dalam hal ini, ternyata isu rasuah boleh mengancam keselamatan negara jika tidak ditangani dengan baik. Ancaman yang berlaku ini adalah ‘*real*’ dan kita tidak mahu anggota keselamatan menjadi puncanya hingga menyebabkan kedaulatan negara tergadai akibat rasuah. Tidak dapat dinafikan juga bahawa agensi kerajaan menjadi tumpuan sindiket penyeludupan agar dapat melicinkan serta melancarkan aktiviti yang dijalankan mereka sama ada di darat atau laut.

### *Jarak Sebatik-Indonesia dengan Jakarta*

Jarak turut memainkan peranan maju atau mundurnya sesebuah daerah atau bandar. Jarak yang terlalu jauh atau terpencil akan mengakibatkan kerajaan sukar untuk membangunkan daerah tersebut. Sebagai sebuah entiti, Indonesia memiliki 17,500 pulau. Pusat pentadbiran yang terletak di Jakarta sudah tentu menyukarkan pemimpin negara tersebut memberikan tumpuan bagi membangunkan pulau-pulau yang ada. Hal ini yang turut dirasai oleh Pulau Sebatik-Indonesia apabila jarak yang terlalu jauh dengan Jakarta menyebabkan berlakunya keadaan yang tidak ekonomik bagi penduduk untuk bergantung kepada ibu kota ini. Keadaan ini sebaliknya mengakibatkan mereka bergantung kepada Tawau bagi mendapatkan barang-barang keperluan harian. Hal ini bermakna Jakarta hanya mengawal Sebatik dari segi urusan politik tetapi tidak dari segi ekonomi kerana Pulau Sebatik-Indonesia bergantung kepada Tawau untuk kelangsungan hidup. Mereka tidak dapat mengharapkan Pulau Tarakan, Indonesia yang mempunyai perjalanan 3 hingga 4 jam perjalanan menggunakan feri dari Tawau. Malah, Tawau turut menjadi *feeder* kepada barang-barang keperluan untuk Pulau Tarakan. Tinjauan penulis mendapati barang-barang seperti tong gas, gula, beras dan minuman berjenama MILO merupakan antara barang yang dijual di Pulau Tarakan. Pulau Nunukan sendiri tidak mampu untuk ‘*serve*’ dan ‘*feed*’ Pulau Sebatik.

Oleh itu, Pulau Sebatik-Nunukan sangat bergantung kepada Tawau bagi mendapatkan barang keperluan kepada penduduk mereka. Dalam pada itu juga, keadaan ini turut menguntungkan ekonomi Tawau kerana selain menyediakan barang keperluan untuk pulau-pulau tersebut, ia juga turut mendapatkan bekalan seperti buah sawit yang masak daripada pulau

berkenaan yang dijual di Tawau kerana jika dijual di Pulau Nunukan atau Tarakan harganya adalah rendah. Pertimbangan inilah yang menjadi antara punca kenapa penduduk di Pulau Sebatik-Indonesia lebih gemar menjual barang keluaran mereka ke Tawau berbanding Indonesia.

### *Smokol dan Jaringan sosial*

Berdasarkan komposisi etnik di Pulau Sebatik, etnik Bugis, Tidung, Timor dan Bajau merupakan antara kelompok etnik yang dominan di Pulau Sebatik. Kesemua etnik tersebut umumnya mempunyai hubungan sosiologikal dengan Sulawesi Selatan kerana asal usul mereka yang berasal dari sana, kesemua etnik ini merupakan antara etnik yang terlibat dalam program transmigrasi ke Kalimantan. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, kesemua etnik ini memainkan peranan yang cukup dominan dalam menjalankan aktiviti penyeludupan. Terdapat dalam kalangan mereka terlibat secara langsung dalam aktiviti penyeludupan dari Tawau ke Pulau Sebatik-Indonesia dan sebaliknya. Bagi tujuan tersebut, mereka menggunakan jaringan sosial yang wujud bagi memastikan penyeludupan yang dijalankan berjalan. Modus operandi mereka bermula dengan mendapatkan sumber barang di Tawau, kemudian membawanya melalui jalan laut. Bagi memastikan barang tersebut selamat sampai ke destinasi di Pulau Sebatik-Indonesia, jaringan sosial yang utuh di sempadan Pulau Sebatik-Malaysia digunakan bagi melancarkan kegiatan penyeludupan ini.

### *Kedekatan dan Laluan Tikus*

Tidak dapat dinafikan juga bahawa jarak antara Bandar Tawau dengan Pulau Sebatik yang sangat dekat dan hanya dipisahkan oleh laut. Perjalanannya cuma mengambil masa 20 hingga 30 minit dengan menaiki *speed-boat* (Amrullah *et al.*, 2019). Malah, terdapat puluhan ‘laluan tikus’ yang digunakan oleh penyeludup mahupun *calo* bagi menyeludup masuk migran dengan menggunakan pintu belakang untuk memasuki Bandar Tawau (Temu bual dengan polis di IPD Tawau, 21 Jun 2018). Bahkan, pemilik bot atau perahu sering kali mengibarkan bendera Malaysia semasa berada di perairan Malaysia dan sebaik sahaja melintas masuk ke perairan Indonesia, bendera Indonesia pula akan dikibarkan. Perlakuan begini tidak dapat dielakkan demi meneruskan kelangsungan hidup.

## ISU PENYELUDUPAN - DADAH

Dunia sedang berhadapan dengan ancaman dadah yang cukup serius. Hal ini terus berlaku dan menunjukkan peningkatan kes meskipun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan bagi menangani masalah yang timbul dari pasaran haram dadah yang bernilai USD500 bilion setahun ini dengan lebih 200 juta pengguna dadah di seluruh dunia (Jenner, 2011). Jenner menekankan pengedar dadah merupakan bahagian paling utama dalam ancaman ini. Tanpa mereka, dadah tidak akan sampai kepada pengguna. Proses pengedaran dadah ini melibatkan tiga negara iaitu negara pengeluar, negara perantara dan negara pengguna. China merupakan negara dan pusat pengeluar utama methamphetamine atau syabu di Asia (Keegan, 2016). Dadah atau dikenali sebagai narkoba di Indonesia merupakan musuh kepada negara tersebut sama seperti di Malaysia. Mereka yang ditangkap mengedar dadah menurut sistem perundangan negara jika disabitkan kesalahan akan dihukum gantung sampai mati mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sama seperti Malaysia, penjenayah yang terlibat menyeludup masuk dadah ke Indonesia boleh dikenakan hukuman bunuh, iaitu pesalah akan ditembak oleh skuad penembak di bawah Undang-Undang No.35 Tahun 2009 berkaitan Narkotika (juga Undang-undang Tahun 1997 bertalian Undang-Undang Tahun 1976 s.d UUD 1945). Jakarta menganggap Malaysia sebagai pusat transit penyeludupan dadah khususnya ke Indonesia. Sehingga 90 peratus daripada dadah yang memasuki pasaran Indonesia terutamanya ke Jakarta dan Surabaya datang dari Semenanjung Malaysia. Hanya 10 peratus sahaja yang di seludup masuk dari Tawau melalui Pulau Sebatik untuk ke Indonesia. Walaupun jumlahnya hanya 10 peratus, tetapi dadah yang dibawa masuk, terutama syabu (*sabu-sabu*) serta *ecstasy* ini bukan sahaja untuk pasaran di Kalimantan Utara (Pulau Sebatik dan Pulau Nunukan), Kalimantan Timur bahkan juga sampai ke Sulawesi Selatan. Dadah ini dibawa masuk menggunakan beberapa cara antaranya dengan menyorok dadah tersebut dalam timbunan barang atau bagasi, menyembunyikan dalam badan manusia dan sebagainya (Golunov, 2006) dan turut digunakan oleh kurier dalam kes di Pulau Sebatik serta Pulau Nunukan.

Kompleks Customs, Immigration and Quarantine (CIQ) Tawau merupakan salah satu laluan penyeludup atau kurier menyeludup masuk dadah ke Indonesia untuk ke Pulau Nunukan. Selain itu, terdapat juga laluan tikus untuk menyeludup masuk dadah ke Pulau Sebatik serta Pulau Nunukan. Salah satunya adalah dengan melalui Sei Aji Kuning-Sungai Haji Kuning yang merupakan pusat transit yang digunakan oleh pihak sindiket menyeludup masuk dadah ke Indonesia. Sei Aji Kuning-Sungai Haji Kuning merupakan tempat yang strategi bagi menyeludup masuk dadah kerana beberapa pertimbangan seperti berikut:

- i. Pertama, ketiadaan pasukan keselamatan yang mengawal keluar masuk bot di jeti kawasan tersebut. Keadaan ini memberi peluang dan rasa ‘selesa’ kepada pihak sindiket dalam menjalankan operasi penyeludupan mereka.
- ii. Kedua, dadah masih boleh di seludup masuk terus melalui Batu-Batu, Tawau meskipun ia telah tidak digunakan untuk memunggah barang-barang lagi ke Pulau Sebatik.
- iii. Ketiga, mudah untuk menghantar dadah yang sudah di seludup melalui Se Aji Kuning. Bagi mengelirukan pihak berkuasa Indonesia, dadah dibawa melalui jalan raya ke Bambangan dan seterusnya menggunakan bot ke Pulau Nunukan. Dari Pulau Nunukan, dadah ini kemudiannya disebarluaskan ke Kaltara dan Kaltim. Berdasarkan tangkapan yang telah dibuat oleh pihak berkuasa Indonesia di Nunukan, dadah yang sering dirampas dari kurier ialah jenis syabu serta *ecstasy* yang asalnya dari Tawau. Kurier pula terdiri dari Tenaga Kerja Indonesia (TKI), wanita, orang tua serta warga Malaysia yang sering ditangkap di Pulau Sebatik mahupun Pulau Nunukan. Mereka ini biasanya sudah berjaya menyeludup masuk dadah sekali atau dua kali sebelum tertangkap (Temu bual dengan polis di IPD Tawau, 21 Jun 2018). Berdasarkan temu bual dengan pihak polis di IPD Tawau, kurier atau ‘keldai dadah’ diupah sehingga 20 juta rupiah untuk membawa dadah ke destinasi disekitar Pulau Sebatik ataupun Pulau Nunukan (Temu bual dengan Atase Polis, 21 Jun 2018). Permintaan tinggi dadah di Kaltara, Kaltim dan Sulsel menyebabkan harganya tiga kali ganda lebih mahal daripada harga di Malaysia.

Daripada sumber akhbar di Indonesia, tangkapan dadah sering dilakukan oleh pihak berkuasa Indonesia sejak tahun 2015–2018. Kebanyakan tangkapan dilakukan di Pulau Sebatik-Indonesia serta Pulau Nunukan. Jumlah tangkapan oleh pihak berwajib Indonesia seolah-olah memperlihatkan bahawa Malaysia tidak begitu serius menangani masalah dadah ini (Temu bual dengan Atase Polis, 21 Jun 2018). Malahan, di CIQ Tawau didapati tiada anjing pengesan dadah atau mesin pengimbas ditempatkan berbanding di pintu masuk CIQ Nunukan. Sekali pandang, usaha ini menunjukkan keseriusan pihak berkuasa Indonesia dalam menangani isu narkoba. Sebaliknya, Malaysia pula dilihat tidak bersungguh-sungguh dalam menangani masalah dadah ini. Namun begitu, tidak timbul soal serius atau tidak satu-satu pihak dalam hal ini kerana kedua-dua buah negara sedang berhadapan masalah besar dalam isu dadah. Menyalahkan satu pihak dalam isu ini tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi, sebaliknya kedua-dua pihak perlu meneruskan kerjasama bagi mencari penyelesaian bersama.

## **ISU PENYELUDUPAN - SENJATA DAN PENGGANAS**

Senjata dalam konteks artikel ini bermaksud pistol atau senapang yang merupakan barang terlarang di Malaysia dan Indonesia. Di Malaysia, kesalahan memiliki senjata api boleh membawa hukuman gantung sampai mati di bawah Akta 37, Akta Senjata Api (penalti lebih berat) 1971. Persoalannya, apakah perkaitan yang wujud antara barang terlarang ini dengan Pulau Sebatik dalam konteks ini? Sememangnya Pulau Sebatik tidak mempunyai kaitan secara langsung kerana ia bukanlah pusat menjual senjata api. Walau bagaimanapun, pulau ini mempunyai perkaitan secara tidak langsung dengan komoditi terlarang ini apabila menjadi pusat transit komoditi ini untuk sampai ke Indonesia. Sejak kemunculan Jemaah Islamiah (JI) di Indonesia serta pergolakan etnik dan agama di Poso dan Ambon, muncul banyak kumpulan radikal Islam seperti Laskar Jihad, Laskar Mujahidin, Darul Islam serta Mujahidin KOMPAK. Laskar Mujahidin diketahui mempunyai anggota yang mendapat latihan serta pengalaman di Mindanao. Ada dalam kalangan kumpulan radikal ini yang cuba menyeludup senjata dari selatan Filipina. Memandangkan senjata dengan mudahnya boleh diperoleh di Filipina, kader dihantar ke selatan Filipina bagi mendapatkannya. Senjata tersebut

kemudiannya dibawa masuk ke Tawau dan seterusnya di seludup masuk ke Pulau Nunukan, Indonesia. Pada awal tahun 2000, seorang rakyat Indonesia telah ditangkap di Masjid Jamek, Tawau bersama sepucuk pistol yang cuba di seludup ke Poso. Beliau kemudiannya telah dibicarakan dan didapati bersalah serta dijatuhi hukuman mati atas kesalahan menyeludup senjata api (Temubual dengan polis di IPD Tawau, 2002).

Malah, Pulau Sebatik juga merupakan laluan pengganas atau teroris dari Indonesia untuk ke selatan Filipina. Sydney Jones dalam satu persidangan antarabangsa pada tahun 2007 di Kuala Lumpur pernah menyebut Tawau yang dijadikan sebagai pusat transit anggota JI dari Indonesia untuk ke selatan Filipina. Hal ini tidak menghairankan memandangkan Tawau tidak asing dengan pemberontakan Kahar Muzakkar dan Darul Islam yang pernah mencabar pemerintahan Sukarno dari tahun 1951–1965. Lineton melihat bagaimana pemberontakan yang berlaku di Sulawesi ini telah memberi impak kepada pergerakan etnik Bugis ke Sumatera serta Kalimantan dan seterusnya ke Tawau (Lineton, 1975). Mengapa Tawau dipilih sebagai pusat transit? Tawau dipilih kerana akses dari Pulau Sebatik cukup mudah dengan kawalan keselamatan yang agak longgar. Kader JI dari Pulau Jawa akan turun di Pelabuhan Nunukan dan terus masuk ke Pulau Sebatik yang langsung tidak dikawal oleh anggota pasukan keselamatan Malaysia. Dari Sei Aji Kuning mereka terus menaiki bot dan turun di Batu-Batu, Tawau manakala dari Tawau, kader ini akan menuju ke Semporna dan dari sana mereka akan menaiki bot ke Pulau Sitangkai atau Pulau Sibutu dalam masa beberapa jam, bergantung kepada kuasa kuda enjin bot mereka (tempoh masa antara 2–6 jam). Tujuan kader JI ke selatan Filipina adalah bagi mendapatkan latihan perang serta mendapatkan senjata. Menurut Institute for Policy Analysis of Conflict (IPAC), operasi kader ini telah bermula selepas tahun 2002 iaitu selepas insiden penculikan di Pulau Sipadan (IPAC, 2016: 3). Hasilnya, Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) dapat mengukuhkan hubungannya dengan kumpulan jihad antarabangsa terutamanya JI dan Kumpulan Muhammadiyah Muslim (KMM), iaitu selepas kehadiran tentera Amerika Syarikat bagi membantu Manila memerangi pengganas.

Malah, Darul Islam Sabah yang dianggotai oleh Amin Baco pernah terlibat dengan konflik yang berlaku di Ambon. Abuza menegaskan peranan Darul Islam Sabah ialah membantu militan Indonesia untuk transit

ke selatan Filipina, menyeludup senjata ke Indonesia dan mendapatkan latihan ketenteraan (Abuza, 2011: 96). Amin Baco dipercayai terlibat dalam penawanan Marawi City dan dilantik sebagai Emir IS selepas kematian Isnilon Hapilon dan bersama-sama dengan bersama Dr. Mahmud Ahmad di Marawi City. Dr. Mahmud Ahmad banyak membawa dana dari IS yang kemudiannya telah dimanfaatkan oleh KAS dengan jumlah dipercayai hampir RM2.5 juta. Dengan kekalahan yang dialami oleh Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) di Iraq dan Syria, mereka yang simpati dengan perjuangan kumpulan ini tidak lagi perlu ke Timur Tengah, sebaliknya mereka boleh membantu saudara seagama di rantau ini sahaja. Misalnya di selatan Filipina, hakikat yang berlaku di Marawi City menjelaskan bahawa simpati Muslim di Indonesia dan Malaysia serta negara-negara lain sehingga mereka sanggup mati mempertahankan rakan-rakan mereka.

Insiden di Marawi City yang menyaksikan Kumpulan Maute dan KAS bergabung tenaga menawan bandar ini bagi menubuhkan wilayah Daulah Islamiah sebagaimana yang telah dicetuskan Abu Bakr al-Baghdadi. Meskipun tentera Filipina berjaya menawan semula Marawi City di samping menghapuskan saki-baki tentang biarpun selepas lima bulan, tidak bermakna ancaman IS sudah terhapus sepenuhnya di Filipina. Malah, Amnesty International dalam laporannya menyatakan bahawa pertempuran merupakan percubaan yang signifikan di Asia Tenggara oleh kumpulan yang bersimpati dengan *Islamic States* (Amnesty International, 2017: 5). Gunaratna (2018: 2) sendiri menjangkakan bahawa “*As such, IS could possibly spread from Mindanao to Sabah in Malaysia and Eastern Indonesia, in light of the transnational nature of the threat.*”

Potensi IS untuk melebarkan pengaruh ke Sabah serta Indonesia Timur tidak dapat ditolak memandangkan sempadan Pulau Sebatik yang sangat luas dan mudah untuk dimasuki. Selama ini, perjalanan keluar masuk ke pulau berkenaan berlaku tanpa masalah. Misalnya pada Disember 2017, selepas insiden yang berlaku di Marawi City, seramai 11 warga Indonesia yang mahu ke selatan Filipina telah ditahan oleh pihak DENSUS-88 (Temu bual dengan Atase Polis di Tawau, 21 Jun 2018). Sebenarnya, tidak keterlaluan dinyatakan bahawa selagi keresahan dan ketidakpuasan hati BangsaMoro serta Sulu terhadap Manila, selagi itulah prospek ancaman tetap wujud di selatan Filipina.

Tambahan lagi terdapat ramai yang tidak berpuas hati dengan cara Duterte menguruskan isu pembinaan semula Marawi City yang sudah hancur. Hal ini bermakna perasaan tidak puas hati terhadap pihak kerajaan kemudiannya nanti akan terpancar dalam bentuk penentangan seperti yang ditunjukkan oleh MNLF, MILF, Abu Sayyaf mahupun Gerakan Maute serta penaklukan Marawi City yang berlaku. Jika peristiwa ini berlaku lagi, kebarangkalian warga Indonesia melakukan penyusupan masuk ke selatan Filipina akan berlaku lagi melalui Sebatik bagi membantu saudara seIslam di Mindanao.

### **Pintu Masuk Pendatang Tanpa Izin (PTI) dan Pemerdagangan Manusia**

Pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia merupakan satu aktiviti yang lumayan. Pada tahun 15 Mei 2018, Senator Kirstjen Nielsen, Setiausaha Homeland Security dalam testimoni di hadapan Jawatankuasa *Homeland Security and Governmental Affairs*, menyatakan bahawa kartel penyeludupan mendapat USD500 juta setahun hasil daripada menyeludup orang ke Amerika Syarikat (Kessler, 2018).

Umum mengetahui bahawa Tawau merupakan salah satu pintu masuk Tenaga Kerja Indonesia (TKI) serta PTI dari Indonesia ke Sabah (Eko Prayitno *et al.*, 2019). Bagi TKI, mereka tiada masalah kerana telah diuruskan oleh agen yang mewakili syarikat-syarikat yang mahu menggaji mereka. Sehingga 80 ke 90 peratus syarikat-syarikat ini merupakan syarikat perladangan. Bagi PTI yang mahu memasuki Sabah tanpa dokumen, Sebatik menjadi pilihan. Seperti yang telah disentuh oleh Dayang Suria Mulia (2008) dan Syed Razak (2014) dalam kajian mereka, rangkaian jaringan sangat penting sebelum PTI memulakan perjalanan mereka ke Malaysia. Dalam hal ini, sebahagian besar PTI yang akan ke Sabah terdiri dari banyak kelompok etnik yang berasal dari Sulawesi Selatan seperti juga etnik lain seperti Timor dari Nusa Tenggara Timor (NTT) (Wan Shawaluddin, Marja & Ahmad Mosfi, 2011). Tidak ramai pendatang dari Pulau Jawa ke Sabah sebaliknya mereka ramai ke Semenanjung.

Bagi PTI yang mempunyai kenalan atau saudara-mara dari Sulawesi Selatan mahupun dari NTT atau NTB di Sabah, mereka akan dihubungi untuk memudahkan perjalanan. Bagi yang tidak mempunyai rangkaian jaringan,

mereka ini kebiasaan akan menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia di kampung halaman sendiri. Sindiket akan mengenal pasti mangsa yang kemudian akan didekati dan dipengaruhi sehingga bersetuju diantar bekerja di sesuatu destinasi. Sebaik sahaja mangsa bersetuju diuruskan oleh sindiket, maka bermulalah kesengsaraan yang akan mengikat mereka sehingga selesai hutang dilangsaikan (Syed Razak, 2012).

Sebatik menjadi pilihan PTI kerana cukup dekat dengan Pelabuhan Nunukan untuk memasuki Tawau. Nunukan merupakan pelabuhan terakhir sebelum PTI turun dari feri yang dinaiki dari Makassar atau Tanjung Periuk atau Surabaya. Dari Nunukan, PTI menaiki bot ke Bambangan, Sebatik-Indonesia. Dari Bambangan, mereka menaiki kereta atau *ojek* menuju ke Sei Aji Kuning (Temu bual dengan Pak Hendra di Pelabuhan Tawau, 20 Jun 2018). Dari Sei Aji Kuning mereka menaiki bot ke Batu-Batu, Tawau dengan selamat jika mereka bernasib baik. Sebaliknya jika tidak bernasib baik, mereka akan ditangkap oleh pihak berkuasa setiba sahaja di Tawau Control Office (TCO).

Pemerdagangan orang bermaksud membawa masuk seseorang secara haram/tanpa dokumen ke dalam sesebuah negara yang mana mereka bukan warganegara di negara tersebut secara terancang (Sekretariat Majlis Anti-pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran, 2011). Di Malaysia, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti-Penyeludupan Migran 2007. Akta ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2010. Kebanyakan pemerdagangan manusia berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya bagi tujuan eksploitasi seks komersial, lelaki, wanita dan kanak-kanak yang diperdagangkan untuk tujuan buruh paksa dan tertakluk kepada syarat perhambaan sukarela dalam sektor domestik, pertanian, makanan, pembinaan, perlادangan, perindustrian dan perikanan. Memandangkan Malaysia banyak bergantung kepada buruh asing, maka pemerdagangan orang dan penyeludupan migran tidak dapat dielakkan. Kesempatan ini telah digunakan oleh sindiket mengeksplorasi kelemahan Malaysia. Akibatnya, Amerika Syarikat telah menempatkan Malaysia di Tier 3 pada 2014.

Malaysia mahu menubuhkan mahkamah khas bagi menangani isu pemerdagangan orang yang semakin bertambah. Mahkamah khas ini dijangka dimulakan di Selangor pada awal Mei 2018 sebagai projek perintis. Tenaganita, sebuah NGO berkait pelarian dan tenaga kerja, misalnya menyokong projek ini dengan menekankan mangsa enggan meneruskan kes mereka di mahkamah memandangkan proses perundungan yang panjang serta kurangnya sokongan. Ditambah pula kebanyakan mangsa terdiri daripada warga asing yang tidak mahu menunggu lama menjadi saksi di mahkamah (Beh Lih Yi, 2018). Sebaliknya, Migrant Care melihat usaha Malaysia ini tidak ikhlas tetapi semata-mata untuk memujuk pegawai-pegawai Amerika Syarikat dalam usaha untuk memastikan agar dalam laporan tahunan *Trafficking in Person*, Jabatan Negara kedudukan Malaysia bertambah baik berbanding sekarang iaitu berada dalam Tier 2 (Beh Lih Yi, 2018).

Berbalik kepada pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, tidak dapat dinafikan bahawa ia berlaku di Sebatik. Namun, dari segi tangkapan ia tidak dilakukan di Sebatik. Hal ini memandangkan jika pihak berkuasa membuat tangkapan di Sebatik, kes ini terlalu lemah. Oleh itu, kebanyakan tangkapan dibuat di Tawau. Daripada temu bual juga sebuah agensi keselamatan telah menafikan berlakunya peningkatan dalam pemerdagangan orang di Tawau. Alasannya ialah wujud lapisan keselamatan berlapis mengawal keselamatan Tawau. Dari lapisan luar dikawal oleh tentera laut, diikuti di lapisan kedua oleh APMM, di lapisan ketiga polis marin, diikuti di darat oleh PGA dan polis. Logik jalur lapisan keselamatan ini memang ada, namun realitinya sindiket berjaya menembusi jalur keselamatan ini kerana berlaku rasuah dalam kalangan agensi keselamatan. Apatah lagi apabila Ketua Polis Sabah, Datuk Ramli Din sendiri membuat pengakuan bahawa Sabah terutama di pantai timur sebagai mempunyai jumlah tertinggi di Malaysia dalam kes memperdagangkan orang pada tahun 2017 (*The Star*, 21 Mei 2018).

## CADANGAN MENYELESAIKAN MASALAH PENYELUDUPAN DI SEBATIK

Dalam mendepani isu ini, penulis melihat bahawa perkara utama yang perlu dilakukan untuk menangani masalah penyeludupan ini adalah melalui

beberapa kaedah. Salah satu daripada tindakan ini adalah perlunya Putrajaya mengubah sikap selama ini yang menganggap Sebatik sebagai ruang belakang yang tidak penting dalam mempertahankan kedaulatan (Ramli, 2012). Sikap Putrajaya amat bertentangan dengan Jakarta yang memberi tumpuan kepada Pulau Sebatik-Indonesia. Keseriusan Jakarta dapat dilihat yang menempatkan tentera di Sei Aji Kuning, sedangkan Putrajaya cuma menempatkan Pasukan Gerak Am di Bambangan yang agak jauh dari sempadan. Jika dilihat di sempadan Sungai Melayu, pihak Indonesia menempatkan pasukan tentera di kawasan sempadan milik mereka. Malah, pos kawalan tentera turut dinaikkan bendera Indonesia. Sebaliknya di Sebatik-Malaysia, cuma dikawal oleh beberapa orang polis sahaja. Pendekatan Malaysia dalam mengawal sempadan negara perlu berubah. Sikap tidak serius ini boleh memakan diri jika dibiarkan begitu sahaja.

Putrajaya sepatutnya menempatkan Pasukan Regimen Sempadan di perbatasan Sebatik Malaysia-Indonesia. Regimen Sempadan yang mempunyai lima batalion ini dilihat hanya tertumpu di Semenanjung Malaysia serta ditempatkan di sempadan Malaysia-Thailand khususnya dengan ibu pejabat regimen ini di Kem Bukit Peteri (Perlis) serta di Kem Batu Melintang, Jeli, Kem Batu Sebeleas, Tanah Merah (Kelantan), Kem Pengkalan Hulu serta Kem Grik (Perak) dan Kem Bukit Kayu Hitam (Kedah). Anehnya, Regimen Sempadan yang ditubuhkan pada 2008 ini berasal dari Pasukan Wataniah, sebaliknya tidak ditempatkan di Pulau Sebatik meskipun pihak berkuasa mengetahui tentang masalah penyeludupan yang cukup rancak berlaku. Keberadaan Regimen Sempadan di Pulau Sebatik, terutamanya di Sungai Haji Kuning akan dapat menghalang berlakunya penyeludupan yang selama ini beroperasi dalam skala yang besar. Sebenarnya sudah sampai masanya keberadaan Regimen Sempadan di Sebatik dimulakan bagi menggerunkan sindiket penyeludupan melakukan aktiviti secara terbuka. Penyeludupan bukan sahaja merupakan masalah besar di Semenanjung, malah di Borneo juga masalah yang dihadapi tidak kurang hebat dengan di Semenanjung. Indonesia sebaliknya menempatkan satu pasukan Komando, 1 kompeni marin dan 1 kompeni angkatan darat di Sebatik-Indonesia. Pos-pos marin ditempatkan di Sei Pancang, Sei Nyamuk, Tanjung Aru dan Tanjung Karang, manakala di Gunung Menangis, Aji Kuning dan Balan Siku ditempatkan TNI-Angkatan Darat (Basundoro, 2013: 138).

Langkah membina pagar seperti yang disyorkan oleh sesetengah pihak bukan merupakan idea yang baik. Membina pagar tanpa dikawal selia oleh pasukan keselamatan merupakan langkah pembaziran kerana pagar yang dibina akan dirosakkan oleh pihak sindiket. Pengalaman pagar di sempadan Malaysia-Thailand dirosakkan patut menjadi pengajaran. Malah, pengalaman Amerika Syarikat sendiri memperlihatkan pagar yang dibina bagi mencegah penyeludupan gagal sama sekali. Janji pilihan raya Trump sendiri pada 2016 untuk membina pagar bagi mencegah kemasukan pendatang asing dari Mexico serta Amerika Latin yang lain dipandang secara sinikal oleh ramai pihak.

Mekanisme yang digunakan sebelum ini ternyata tidak begitu berkesan seperti yang terpancar dari perjalanan SOSEK-MALINDO. Meskipun sudah sekian lama berjalan, tetapi hasilnya ternyata agak kurang memberangsangkan. Kelemahan SOSEK-MALINDO perlu diatasi. Isu tuntutan bertindih di Laut Sulawesi merupakan satu contoh yang baik. Isu yang tercetus pada 2005 ini ternyata gagal digunakan bagi menyelesaikan tuntutan kedua buah negara.

Sementara itu, kerjasama dalam membanteras penyeludupan melibatkan kedua pihak, Malaysia dan Indonesia sangat perlu diadakan. Kerjasama ini melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) serta rakan mereka dari Indonesia. Kaedah yang perlu digunakan ialah menang-menang dan bukannya menang-kalah.

## KESIMPULAN

Pulau Sebatik sebagai pulau yang dimiliki oleh dua buah negara, Malaysia serta Indonesia telah digunakan oleh sindiket bagi melakukan aktiviti penyeludupan. Mengetahui kawalan yang longgar serta mudahnya mengumpam anggota agensi keselamatan menerima rasuah membantu merancakkan lagi penyeludupan di Sebatik. Tiga isu yang dibincangkan jelas mengambil kesempatan dari keadaan sempadan di Sebatik. Dadah di seludup masuk melalui Sebatik ke Nunukan untuk disebarluaskan kepada pengguna sehingga ke Sulawesi Selatan yang juga melibatkan peranan migran Indonesia. Dadah di seludup melalui Sebatik, meskipun hanya 10 peratus tetapi ia kemudian disebarluaskan sehingga

ke Sulawesi Selatan. Senjata serta teroris turut menggunakan Sebatik bagi aktiviti masing-masing. Senjata di seludup masuk melalui Sebatik untuk kegunaan kumpulan-kumpulan teroris Islam berhadapan dengan ancaman Kristian terutama di Poso mahupun di Maluku. Jalan ini juga turut digunakan oleh kumpulan-kumpulan teroris Islam seperti Jemaah Islam untuk memberi pendedahan kepada anggota kepada pengalaman perang serta membuat bom. Terkini perkembangan yang berlaku di Marawi City, menggerakkan mereka yang simpati kepada Islamic States untuk menyertai membantu rakan-rakan seIslam di selatan Filipina. Akhir sekali, aktiviti pemerdagangan orang juga cukup aktif di Sebatik menyedari ramai yang mahu masuk ke Sabah untuk bekerja. Berhadapan dengan tiga isu yang cukup serius ini, kedua-dua buah negara perlu bekerjasama lebih rapat bagi menangani dan menghapuskannya dengan lebih baik dan lebih berkesan. Mekanisme seperti SOSEK-MALINDO sudah ada, apa yang perlu ialah mengaktifkannya dengan kesedaran bahawa kedua-dua negara mendapat manfaat yang positif dari kerjasama ini.

## RUJUKAN

- Abuza, Z. (2011). Borderlands, terrorism and insurgency in Southeast Asia. Dlm. Clad, J. et al. (Eds.). *The Borderlands of Southeast Asia: Geopolitics, Terrorism and Globalization*. Washington: National Defence University Press.
- Affan, H. (27 Februari 2018). Mengapa ‘banjir’ narkoba di Indonesia terus meningkat? *BBC*.
- Amrullah Maraining & Ramli Dollah. (2018). Perahu penambang Pulau Sebatik-Tawau: Potensi dan cabaran. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (Eds). *Pulau Sebatik, Tawau (Malaysia): Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: Universiti Muhammadiyah.
- Amrullah Maraining, Emilia. R., & Ramli Dollah. (2018). Sektor ‘rasmi’ dan ‘tidak rasmi’ dalam ekonomi perbatasan di Pulau Sebatik. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (Eds). *Pulau Sebatik, Tawau (Malaysia): Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*, Yogyakarta: Universiti Muhammadiyah.
- Amrullah Maraining, Ramli Dollah & Zaini Othman. (2019). Buruh informal Indonesia di Sabah: Kajian kes buruh angkat barang di Pelabuhan Tawau. Dlm. Eko Priyatno Joko, Ramli Dollah & Amrullah Maraining (Eds.). *TKI dan isu-isu perburuhan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah
- Andika Abdul Wahab. (2018). The colours of exploitation: Smuggling of Rohingyas from Myanmar to Malaysia. *Akademika*, 88(1), 5–16.

- Basundoro, P. (2013). Pulau Sebatik sebagai pintu kecil hubungan Indonesia-Malaysia. *Jurnal Literasi*, 3(2), 133–143.
- Beh Lih Yi. (15 Januari 2018). Malaysia plans special court on human trafficking as cases soar. *Reuters*.
- Campbell, H. (2008). Female drug smugglers on the U-S.-Mexico border: Gender, crime, and empowerment. *Anthropological Quarterly*, 81(1), 233–267.
- Carruthers, A.M. (2017). Clandestine movement in the Indonesia-Malaysia migration corridor: Roots, routes and realities. *Perspective*. No. 58, July.
- Donnan, Hastings & Wilson, Thomas, M. (1999). *Borders: Frontiers of identity, nation & state*. Oxford & New York: Berg.
- Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah & Amrullah Maraining. (2019). *Isu-isu perburuhan dan Tenaga Kerja Indonesia di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Endang Rudiatin. (2012). Integrasi ekonomi local di perbatasan: Suatu kajian mengenai ekonomi masyarakat Desa Aji Kuning, Pulau Sebatik-Nunukan Kalimantan Timur, Perbatasan Indonesia-Sabah Malaysia. Tesis PhD, Universitas Indonesia.
- Fauzie Sarjono. (2018). Ekonomi tidak formal dan dinamika perburuhan di sempadan Malaysia-Indonesia: Kajian kes di Pulau Sebatik. *Jurnal Kinabalu*, 24, 1–18.
- Fealy, G. (2017). The battle for Marawi and ISIS in Southeast Asia. *The Strategist*, Australia Strategic Policy Institute.
- Ford, M., & Lyons, L. (2006). The borders within: Mobility and enclosure in the Riau Islands. *Asia Pacific Viewpoint*, 47(2), 257–271.
- Ford, M., & Lyons, L. (2012). Smuggling cultures in the Indonesia-Singapore borderlands. Dlm. Kalir, B., & Sur, M. (Eds.). *Transnational Flows and Permissive Polities: Ethnographies of Human Mobilities in Asia*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Ford, M., Lyons, L., & Schendel, W.v. (2011). Labour migration & human trafficking. Dlm. Ford, M., Lyons, L., Schendel, W.v. (eds.). *Labour Migration and Human Trafficking in Southeast Asia: Critical Perspectives*. Routledge: London & New York.
- Gavilan, J. (6 November 2017). New ISIS emir? Get to know Malaysian terrorist Amin Baco, *Rappler*.
- Golunov, S. (2006). Drug-trafficking as a challenge for Russia's security and border policies. *Policy Paper*. Open University Institute-Budapest.
- Gunaratna, R. (2017). Ending the fight in Marawi. *Counter Terrorist Trends and Analyses*, 9(10), 1–5.
- Hüsken, T. (2017). The practice and culture of smuggling in the borderland of Egypt and Libya. *International Affairs*, 93(4), 897–915.
- Idris, U. (2017). Belimpun taka tugas, insuai taka tapu: Orang Tidung, marginalisasi dan perlawanhan di Pulau Sebatik, Nunukan. *Jurnal Etnosia*, 2(2), 134–152.

- International Crisis Group. (2005). Weakening Indonesia's Mujahidin networks: Lessons from Maluku and Poso. *Asia Report N°10*, 3–13 October.
- IPAC. (2016). Pro-ISIS Group in Mindanao & their links to Indonesia & Malaysia. *IPAC Report*, No. 33, Oktober.
- Jenner, M.S. (2011). International drug trafficking: A global problem with a domestic solution. *Indiana Journal of Global Legal Studies*, 18 (2), 901–927.
- Kaltim Tribun. (19 Februari. 2018). Kurir 4,75 Kg Sabu di Nunukan satu jaringan dengan Sabu Anus.
- Keegan, H. (2016). The golden age of drug trafficking: How meth, cocaine, and heroin move around the world.
- Kompas. (5 Februari 2018). Selundupkan Sabu di Anus, 3 TKI Diamankan Polisi Nunukan.
- La Masri Mansyur & Zaini Othman. (2018). Identiti politik dan keselamatan kajian Wallace Bay, Pulau Sebatik, Sabah. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (Eds). *Pulau Sebatik, Tawau (Malaysia): Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*, Yogyakarta: Universiti Muhammadiyah Yogyakarta.
- Lee, S. (8 November 2017). Human trafficking rife in Sabah, says state police chief. *The Star*.
- Lineton, J. (1975). Pasompe' Ugi': Bugis migrants and wanderers. *Archipel*, 10, 173–201.
- Marja Azlima Omar *et al.* (2005). The flow of good remittance in Sabah: An overview. *Jurnal Kinabalu*, 11, 187–203.
- Marja Azlima Omar *et al.* (2006). The flow of goods and remittance in Sabah. *Sabah Society Journal*, 23, 49–69.
- Maunati, Y. (2016). Translocal and transnational movements of Bugis and the construction of multiple identities: The case of Bugis in North Kalimantan of Indonesia and Sabah and Johor of Malaysia. *Suvannabhumi*, 8(2), 15–49.
- Muhammad Hairul Saleh. (2015). Dinamika masyarakat perbatasan: Eksistensi perantau Bugis di Pulau Sebatik Kalimantan Utara. *Jurnal Borneo Administrator*, 11, 31–48
- Nurlela, A. (2012). Strategi kelangsungan hidup masyarakat perbatasan (Kasus kondisi ekonomi masyarakat di Desa Aji Kuning, Kecamatan Sebatik Tengah Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur. Tesis Sarjana, Universitas Hasanuddin, Maskassar.
- Pelras, C. (2006). *Manusia Bugis*. Jakarta: Nalar & Forum Jakarta-Paris.
- Puryanti, L., & Saarkawi Husin. (2011). A people-state negotiation at the borderland: A case study of the Indonesian-Malaysian frontier in Sebatik Island. *Wacana*, 13(1), 105–120.

- Ramlah Daud, Kitingan, J.P., & Mariappan, K. (2011). Budaya dan persoalan identiti dalam kalangan komuniti Bugis di persempadanan Pulau Sebatik, Sabah. *Jurnal Bumantara*, 1(2), 16–32.
- Ramli Dollah & Ahmad Mosfi Mohamad. (2007). Perdagangan tukar barang Tawau (Sabah)-Indonesia: Implikasi dan cabaran. *Jati*, 12, 83–106.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen fizikal dan bukan-fizikal dalam pembentukan identiti komuniti sempadan di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 9–20.
- Ramli Dollah. (2012). Sempadan di Sabah: Halaman belakang yang terabai. *Seminar sehari keselamatan sempadan negeri Sabah*, YTL Auditorium, Universiti Malaysia Sabah, 28 November.
- Rauhala, E. (9 December 2017). Liberated and angry. *The Washington Post*.
- Sanak, Y. (2012). Penguatan human security sebagai strategi pengelolaan perbatasan Indonesia-Malaysia. *Journal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 16(2), 125–135.
- Sekretariat Majlis Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran. (2011).
- Syed Abdul Razak Sayed Mahadi *et al.* (2017). Pengaruh jaringan sosial ke atas migrasi pekerja Bugis-Indonesia ke Sabah. *Jurnal Iman*, 5(3), 1–21.
- Tagliacozzo, E. (2005). *Secret trades, porous borders: Smuggling and states along a Southeast Asian frontier: 1865–1915*. New Haven: Yale University Press.
- Temby, Q. (2018). Terrorist arbitrage in Southeast Asia. *New Mandala*.
- The Star*. (21 Mei 2018). Human trafficking rife in Sabah, says state police.
- Tomsa, D. (2016). The Jakarta terror attack and its implications for Indonesian and regional security. *Perspective*, 5, 1–8.
- Tribun News. (4 April 2018). Polres Nunukan gagalkan penyeludupan 4,3 Kg Sabu asal Malaysia.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. (2008). Isu-isu keselamatan di Sabah dan impak kepada Malaysia. *Jati*, 13, 49–68.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Amrullah Maraining & Marshitah Radzi. (2018). Membangun wilayah terpinggir di perbatasan: Muis Picho dan pembangunan Pulau Sebatik, Malaysia. Dlm. Ramli Dollah *et al.* (eds). *Pulau Sebatik, Tawau (Malaysia): Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: Universiti Muhammadiyah.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan, Marja Azlima Omar & Ahmad Mosfi Mahmood. (2011). Undocumented workers in Sabah plantation sector: By force or by choice? *Jurnal Bumantara*, 1(1), 127–140.

## **TEMU BUAL**

Bahagian Pemerdagangan Manusia pada 20 Jun 2018. Bertempat di IPD Tawau,  
Sabah.

Bahagian Narkotik pada 20 Jun 2018. Bertempat di IPD Tawau, Sabah  
Atase Polis pada 21 Jun 2018. Bertempat di Konsulat Republik Indonesia di Tawau,  
Sabah.

Suriyansah Hj Kassau pada 9 September 2019. Bertempat di Borneo Royale Hotel,  
Tawau, Sabah.